

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2026**

---

**PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)**  
**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]**  
**TARIKH : 10 FEBRUARI 2026 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan faktor Kerajaan mengharamkan pengimportan sisa elektronik berkuatkuasa serta merta mulai 4 Feb 2026 Dan apakah tindakan Kementerian untuk melupuskan bekalan e-waste yang dibawa masuk ke negara kita secara haram sebelum ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 jelas memperuntukkan berkenaan kesalahan bagi sebarang penempatan buangan terjadual sama ada di darat atau ke dalam perairan Malaysia, transit atau membenarkan ditransit tanpa kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi lima (5) tahun dan denda tidak kurang dari satu ratus ribu Ringgit Malaysia (RM100,000) dan tidak melebihi sepuluh juta Ringgit Malaysia (RM10 juta).
2. Malaysia merupakan negara yang telah meratifikasikan Konvensyen Basel mengenai Kawalan Pergerakan Rentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya. Sehubungan itu, pengimportan e-waste tidak dibenarkan di negara ini. Justeru, ingin ditegaskan bahawa Kementerian melalui JAS tidak pernah memberi kelulusan atau membenarkan sebarang pengimportan e-waste sepanjang tempoh ini.
3. Tindakan akan diambil kepada pihak pengimport, ejen penghantaran dan logistik, pengangkutan kargo dan "*liners/carriers*" yang terlibat dalam pengimportan buangan berbahaya termasuk e-waste secara haram dengan syarat pemilik tersebut boleh dikenal pasti.
4. Bagi e-waste yang dikesan masuk ke negara ini secara haram, tindakan yang diambil adalah melaksanakan pemulangan semula (*repatriation*) ke negara asal selaras dengan komitmen Malaysia di bawah Konvensyen Basel.
5. Berdasarkan rekod, sebanyak satu ribu dua ratus empat puluh satu (1,241) kontena telah diperiksa oleh KASTAM, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Lembaga Pelabuhan serta agensi penguatkuasaan lain sepanjang tempoh 2021 hingga 2025. Daripada jumlah tersebut, tujuh ratus satu (701) kontena didapati mengandungi e-waste dan telah ditahan. JAS telah mengeluarkan arahan pemulangan kepada semua konsaini yang terlibat melalui notis arahan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling

1974, berdasarkan maklumat *manifest* KASTAM atau *bill of landing*. Daripada tujuh ratus satu (701) kontena yang mengandungi *e-waste* tersebut, sebanyak empat ratus dua puluh lapan (428) kontena telah berjaya dipulangkan semula ke negara asal mengikut prosedur yang ditetapkan.

6. Kementerian komited untuk memulangkan semula *e-waste* yang dibawa masuk secara haram ke negara asal, selaras dengan undang-undang dan komitmen Malaysia di bawah Konvensyen Basel. Sekiranya pemulangan tidak dapat dilaksanakan walaupun selepas segala usaha dilakukan, seperti apabila pemilik tidak dapat dikenal pasti, *e-waste* tersebut akan diurus dan dilupuskan secara selamat melalui kaedah *Environmentally Sound Management (ESM)* di fasiliti berlesen dalam negara bagi memastikan perlindungan kepada alam sekitar dan kesihatan rakyat.

7. Dalam melaksanakan tindakan ini, NRES akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa negara pengekspor bagi memastikan proses pemulangan dilaksanakan secara teratur, telus dan mematuhi peruntukan undang-undang.

8. Bagi kontena yang ditahan oleh pihak berkuasa lain, seperti *Anti Money Laundering Act (AMLA)*, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Kawalan Perlindungan Sempadan (AKPS), proses tindakan akan mengambil masa kerana ia melibatkan prosiding mahkamah dan perlu mengikut prosedur perundangan yang ditetapkan. Hanya selepas semua proses perundangan selesai, pelupusan akan dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang yang membenarkan, bagi memastikan segala tindakan dijalankan secara sah dan teratur.

Sekian, terima kasih.